

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 4 JULAI 2022
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 12

DOSM terima anugerah kecemerlangan daripada MDEC

DOSM terima anugerah kecemerlangan daripada MDEC

PUTRAJAYA - Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) pada Ahad menerima Anugerah Kecemerlangan Pendukung Perkongsian Data Nasional (Sektor Awam) daripada Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) sempena majlis Anugerah Penghargaan Industri Ekonomi Digital.

Anugerah itu disampaikan oleh Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tan Sri Annuar Musa kepada Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin.

Pejabat Ketua Perangkawan dalam kenyataan memaklumkan anugerah itu merupakan penghargaan dan pembakar semangat warga kerja DOSM agar terus berdedikasi dalam melaksanakan tugas penyampaian statistik berkualiti kepada orang awam meskipun berdepan cabaran termasuk pandemik Covid-19 dan peningkatan keperluan pelbagai data baharu serta data masa nyata bagi pengurusan sosioekonomi negara dalam persekitaran yang semakin kompleks.

"Sehingga 1 Julai 2022, portal DOSM, www.dosm.gov.my telah dilawati 5,734,113 pelawat manakala sebanyak 1,166 penerbitan statistik (109 Bulanan, 32 Suku Tahunan, 200 Tahunan dan 825 Ad Hoc) serta 125 *stats alert* telah dikeluarkan," menurut kenyataan itu.

Dalam penerbitan visual interaktif penyebaran data, DOSM telah menyediakan lima platform iaitu *Malaysia External Trade Statistics Online*, *Business Cycle Clock Malaysia*, *CPI Inflation Calculator*, *MyLocal Stats* dan *Population Quick Info*.

Menurut Pejabat Ketua Perangkawan, sebanyak sembilan *dashboard* juga telah disediakan iaitu *Agricultural Analytical System*, *Tourism Dashboard*, *Malaysia Economic Recovery Dashboard*, *National Occupational Accident Statistics*, *Job Market Insights*, *My Job Profile*, *Malaysia Labour Market Interactive Data (MyLMID)*, *OpenDOSM* dan *Population and Housing Census of Malaysia Dashboard (MyCendash)*.

DOSM juga telah membangunkan tujuh portal data iaitu *e-Statistik*, *StatsDW*, *StatsBDA*, *Stats Geoportal*, *Stats Digital*, *MysIDC* dan *Portal Banci*.
- Bernama